

TARIKH	KHAMIS, 29 SEPTEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TERNAK BABI SECARA TERBUKA CEMAR SUMBER AIR KUALA LANGAT
M/S	20
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	ENVIRONMENT

Ternak babi secara terbuka cemar sumber air Kuala Langat

Najis binatang dikumpul dalam kolam mengalir ke pantai

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Masalah pencemaran sumber air di daerah Kuala Langat di sini, dikesan disebabkan penternakan babi dan kawalan pencemaran secara konvensional.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian, berkata tinjauan di lokasi mendapati pengusaha ternakan itu tidak menggunakan kaedah penternakan kandang tertutup seperti ditetapkan mengikut kaedah penternakan babi moden.

"Kita mendapati, pengurusan kumbahan najis ternakan

hanya melalui pengumpulan di kolam takungan dalam premis ternakan.

"Efluen dari kolam ini disalurkan ke perparitan di luar premis dan akhirnya ke perairan pantai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan bersepadu ke beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat bersama agensi berkaitan, antaranya Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Alam Sekitar Negeri (JAS) Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Susulan itu, katanya, beberapa tindakan dan usaha lanjut akan dilakukan segera, antaranya JPV akan mengarahkan semua pengusaha terbabit melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan ke atas ladang ternakan dan sistem kumbahan dengan segera.

"Najis ternakan perlu dilupus-



Loy Sian meninjau ladang ternakan babi di sekitar Tanjung Sepat. (Foto Ihsan LUAS)

kan di luar kawasan ladang dan dihantar ke tapak pelupusan dibenarkan.

"LUAS akan mengarahkan pemilik tanah melaksanakan segera tindakan pemulihan saliran parit dalam tapak sehingga air yang dilepaskan keluar dari lot tanah tidak mencemarkan.

"Persampelan kualiti air juga akan dilaksanakan dan tindakan perundangan diambil sekiranya

terdapat elemen pencemaran berlaku," katanya.

Ambil langkah proaktif

Beliau berkata, agensi berkaitan terutama JKV Selangor mengambil langkah proaktif dengan mengawal selia aktiviti penternakan babi di seluruh Selangor dari semasa ke semasa.

Katanya, beliau akan menyelaraskan perbincangan lanjut

bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian & Perladangan, Izham Hashim untuk mengadakan sesi dialog bersama persatuan dan semua pengusaha penternakan babi di Selangor.

"JPV akan menyelaraskan perancangan dan memperkemas pengurusan operasi ternakan bersama pengusaha berkaitan," katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM